

Headline  
Date  
Media Title  
Section  
Circulation  
Readership

Pusat kelip-kelip  
13. Mar 2009  
Berita Harian  
Hip  
192917  
1521000

Language  
Page No  
Article Size  
Frequency  
Color  
AdValue

MALAY  
15  
570 cm2  
Daily  
Full Color  
12104.70



# Pusat kelip-kelip warisan unik untuk generasi muda

Oleh Hasliza Hassan  
hasliza@bharian.com.my

**K**ELIP-KELIP adalah sejenis serangga yang berupaya mengeluarkan cahaya dari badannya untuk menarik pasangan. Serangga unik ini mendiami pokok bakau berembang yang tumbuh subur di tebing sungai.

Kelip-kelip sinonim dengan Kampung Kuantan di Kuala Selangor yang terkenal sebagai salah satu pusat pelancongan utama Selangor. Kehadiran kelip-kelip di pokok bakau berembang di Pusat Kelip-kelip Kampung Kuantan tatkala senja menjelang sentiasa dinantikan pengunjung.

Kelip-kelip juga sinonim dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang menjadikan Pusat Kelip-kelip Kampung Kuantan sebagai anak angkat sejak 2005 untuk tujuan pemuliharaan spesies berkenaan serta kawasan menjadi habitat serangga itu.

Perjanjian termeterai antara TNB dengan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) untuk tempoh lima tahun itu adalah usaha TNB memastikan populasi kelip-kelip bebas daripada ancaman dan Pusat Kelip-kelip Kampung Kuantan dinaik taraf melalui pembangunan infrastruktur.

Selepas dua tahun memenuhi tanggungjawab sosial korporatinya, TNB secara rasmi menyerahkan kembali 'anak angkat' yang sudah dinaik taraf dengan pelbagai kemudahan membabitkan kos RM1.2 juta itu kepada MDKS.

Berucap pada majlis penyerahan itu, baru-baru ini, Naib Presiden Kanan (Hal Ehwal Korporat) TNB, Datuk Abdul Razak Abdul Majid melahirkan harapan supaya usaha memulihara Pusat Kelip-kelip Kampung Kuantan tidak terhenti apabila tamat tempoh projek usaha sama itu.

Sebaliknya, beliau berharap projek yang sudah atau akan dilaksanakan pada masa depan dapat diperkasakan demi memastikan kesinambungan legasi kawasan kelip-kelip dan alam sekitar tetap terpelihara.

"Usaha yang sudah, sedang dan akan kita lakukan dalam projek pemuliharaan ini hasilnya untuk kesinambungan khazanah alam sekitar yang utuh, terpelihara dan diurus dengan baik. Harapan kita adalah untuk meninggalkan satu warisan berpanjangan kepada generasi akan datang," katanya.



HARIS (kiri) dan Abdul Razak pada majlis Penyerahan Projek Menaik Taraf Infrastruktur di Pusat Kelip-Kelip Kampung Kuantan, Kuala Selangor.

Kerja naik taraf yang dilaksanakan TNB di kawasan seluas 4.8 hektar itu ialah membina empat unit wakaf, menyediakan lorong dua hala di jeti sedia ada, membaiki pulih pintu gerbang dan membina ruang pejalan kaki sekitar pusat kelip-kelip.

TNB turut mengubah suai dewan yang dulunya kedai cenderamata kepada dewan mini teater untuk memudahkan pelawat mendengar taklimat serta menonton tayangan video mengenai kehidupan dan habitat kelip-kelip.

Malah, TNB meneruskan syarikatnya TNB Research Sdn Bhd dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), berjaya menjalankan penyelidikan ekologi dan biologi kelip-kelip Kampung Kuantan selama 13 bulan.

Selain pembangunan fizikal, TNB turut menyediakan kelas kemahiran bahasa Jepun dan Arab kepada pendayung bagi memudahkan

mereka berinteraksi dengan pelancong di samping membekalkan jaket keselamatan untuk kegunaan pelawat.

Sementara itu, Yang Dipertua MDKS, Haris Kassim mengakui cabaran dihadapi MDKS untuk mengekalkan keunikan Pusat Kelip-kelip Kampung Kuantan disebabkan ada faktor yang mengganggu seperti penebangan hutan di kawasan sekitar yang boleh mengancam habitat serangga itu.

Bagaimanapun katanya, MDKS akan meneruskan usaha memastikan hasrat TNB untuk melihat anugerah Allah kekal terpelihara dan menjadikan pusat itu memberi manfaat kepada pelancong serta penduduk setempat terlaksana.

"Ini adalah titik sejarah bagi Kuala Selangor melalui program rakan kongsi bijak antara agensi kerajaan dengan swasta untuk memelihara anugerah alam. Tidak dinafikan ada cabaran untuk mengekalkan infrastruktur

serta alam sekitar sedia ada tetapi MDKS akan melakukan sebaiknya.

"Saya yakin dengan kerjasama diberikan TNB serta penduduk setempat, keistimewaan Pusat Kelip-kelip Kampung Kuantan mampu dikekalkan serta dimajukan," katanya.

Pendayung yang ditemui, Saian Abdul Ghani, 61, berkata kelas bahasa anjuran TNB banyak membantu beliau serta 87 pendayung lain untuk berkomunikasi dengan pelancong asing yang datang melihat kelip-kelip di sana.

Beliau yang juga siak Masjid Muhammadiyah Kampung Kuantan yang terletak di sebelah Pusat Kelip-kelip Kampung Kuantan berkata, setiap malam akan ada pengunjung yang datang untuk melihat sendiri keindahan pemandangan kelip-kelip berterbangan di sepanjang sungai sekitar pusat itu.

Melihat persekitaran yang boleh dikatakan lengkap daripada aspek infrastruktur, namun masih ada terasa kekurangan terutama aktiviti yang disediakan di Pusat Kelip-kelip Kampung Kuantan pada waktu siang menjelang menanti malam.

Alangkah baiknya jika ada program kesenian atau kebudayaan menunjukkan gaya hidup masyarakat tempatan dianjurkan sebagai pengisian.

Justeru, MDKS perlu memikirkan sesuatu bagi menghidupkan suasana di Pusat Kelip-kelip Kampung Kuantan supaya pusat itu tidak hanya terkenal kerana ada kelip-kelip, malah acara menarik lain yang boleh ditunjukkan kepada pengunjung.



SAIAN sedia membawa pelancong menyusuri sungai di Pusat Kelip-Kelip Kampung Kuantan, Kuala Selangor.